

Headline	Pakar tempatan sedia jaga panda		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Apr 2014	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	23	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	70 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 912
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,736



Pakar tempatan sedia jaga panda

KUALA LUMPUR 1 April - Pakar tempatan terdiri daripada 12 orang pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) serta Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) kini bersedia sepenuhnya menggalas tugas menjaga sepa-sang panda gergasi dari China yang akan dibawa masuk ke negara ini tidak lama lagi.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. James Dawos Mamit berkata, kesiaaan itu berdasarkan latihan bersama pakar-pakar di China sepanjang berada di negara itu bagi melihat sendiri segala aspek penjagaan dan kesihatan pasangan panda berkenaan.

Malah, jelasnya, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) turut mengenal pasti jenis buluh tempatan yang bersesuaian untuk makanan panda tersebut.

Beliau berkata demikian ketika menggungung perbahasan Rang Undang-Undang Perbe-kalan Tambahan (2013) 2014 bagi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di peringkat jawatankuasa di Dewan Rakyat hari ini.